

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
(BATU KAWAN)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan cukai GST mengikut pecahan tahun dari masa cukai tersebut mula dikutip sehingga kini dan bagaimanakah kutipan tersebut digunakan untuk membantu menambah baik ekonomi Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan pada 1 April 2015, sebanyak RM112.5 bilion telah dapat dikutip oleh Kerajaan. Pecahan kutipan GST bagi setiap tahun adalah seperti berikut:

| <b>Komponen</b> | <b>2015<br/>(RM bilion)</b> | <b>2016<br/>(RM bilion)</b> | <b>2017<br/>(RM bilion)</b> |
|-----------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| GST             | 27.0                        | 41.2                        | 44.3                        |

2. Kesemua kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan dan digunakan untuk tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan termasuk pembiayaan program dan projek yang memberi manfaat kepada rakyat seperti menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Selain itu, perbelanjaan tersebut juga merangkumi pemberian subsidi barang dan perkhidmatan seperti subsidi minyak masak, gas memasak, tepung, tol dan pengangkutan luar bandar serta bantuan sosial seperti BR1M, bantuan persekolahan, bantuan keluarga miskin dan bantuan OKU. Subsidi dan bantuan sosial tersebut khususnya dalam bentuk pemberian secara tunai telah dapat merangsang penggunaan swasta seterusnya merancakkan ekonomi negara.

3. Di samping itu, Kerajaan terus melaksanakan projek dan program pembangunan bagi tujuan meningkatkan kapasiti produktif negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui projek-projek infrastruktur awam seperti rangkaian kereta api, jalan raya, jambatan, parit dan saliran, serta kemudahan awam seperti sekolah, hospital,

klinik kesihatan dan dewan orang-ramai. Projek-projek strategik ini merupakan pelaburan jangka panjang Kerajaan bagi menambah baik daya saing dan daya tahan ekonomi negara.

4. Hasil daripada perancangan teliti Kerajaan selama ini, ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan kukuh dengan purata 5.5% setahun bagi tempoh 2010 hingga 2016. Pada tahun 2017, ekonomi telah mencatat pertumbuhan 5.9%, antara yang tertinggi sejak krisis subprima 2009 dan lebih tinggi daripada sasaran 5.2% hingga 5.7%. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta dan permintaan luar negeri yang lebih baik. Sementara itu, Malaysia terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih sebanyak RM39.2 bilion pada 2017 berbanding RM29.2 bilion pada 2010. Indeks FBM KLCI terus menunjukkan peningkatan ketara mencatat paras 1,796.81 mata pada akhir 2017 berbanding 1,641.73 pada akhir 2016. Kadar inflasi pula kekal rendah pada paras 3.7% pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sungguhpun demikian, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan pragmatik, Kerajaan akan terus menyediakan

perancangan ekonomi dan kewangan bagi jangka masa panjang untuk mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, dan saiz ekonomi RM2 trilion menjelang 2025, serta meletakkan Malaysia di kalangan 20 negara terbaik dunia pada 2050. Antara inisiatif terkini yang dilaksanakan adalah membangunkan ekonomi digital termasuk pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dan adaptasi Revolusi Industri 4.0 serta menyediakan projek infrastruktur awam yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi seperti MRT, ECRL, HSR serta Lebuhraya Pan-Borneo.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan sentiasa mengimbangi langkah memacu pertumbuhan ekonomi dengan keperluan untuk memastikan kedudukan kewangan terus bertambah kukuh. Sehubungan itu, Kerajaan juga komited dengan langkah konsolidasi fiskal dan menetapkan sasaran untuk mencapai bajet hampir berimbang pada tahun 2020 di mana paras hutang Kerajaan dijangka berkurang kepada sekitar 47.5% daripada KDNK. Namun begitu, Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada program dan projek yang berteraskan rakyat dan berimpak tinggi.

*250*  
SOALAN NO: 188

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]  
TARIKH : -  
SOALAN : 188**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan terperinci semua hospital baru Kementerian yang akan dibina dan yang dijadualkan untuk dinaik taraf sejak 2008 sehingga kini, apakah status pembangunan tersebut serta kos yang terlibat, termasuklah sebuah hospital baru di Batu Kawan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, sejak tahun 2008, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 58 buah projek pembinaan hospital baru/ naiktaraf hospital.

Daripada jumlah itu, 33 projek dalam peringkat perancangan, 16 dalam peringkat pembinaan dan 9 projek telah pun siap pembinaannya. Kos keseluruhan yang terlibat bagi projek-projek ini berjumlah RM19,594,606,880.00.

Bagi maklumbalas berkenaan pembinaan sebuah hospital baru di Batu Kawan, dimaklumkan bahawa Kementerian ini tidak pernah menerima cadangan untuk pembinaan baru sebuah hospital di kawasan Batu Kawan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat 3 hospital berdekatan dengan daerah Batu Kawan iaitu Hospital Sg Bakap yang merupakan hospital tanpa pakar yang berada 15km dari kawasan Batu Kawan manakala Hospital Seberang Jaya terletak lebih kurang 30km dari Hospital Sg Bakap dan Hospital Bukit Mertajam yang terletak lebih kurang 20km dari Hospital Sg Bakap.

Kementerian berpendapat bahawa keperluan perkhidmatan perubatan penduduk kawasan Batu Kawan masih boleh ditampung oleh Hospital Sungai Bakap, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam. KKM akan mengkaji dengan lebih lanjut bagi tempoh jangka panjang sekiranya masih ada keperluan mendesak untuk membina hospital baru di kawasan ini. Di samping itu projek *Multistorey Block* (dengan izin) Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* (dengan izin) RMK 10 dengan kapasiti 316 buah katil dan kini dalam peringkat pembinaan. Penambahan katil ini dapat menampung keperluan perkhidmatan masyarakat di daerah Seberang Perai Selatan.

Untuk makluman juga, Hospital Sungai Bakap adalah sebahagian daripada Hospital Kluster Seberang Perai yang turut melibatkan Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam sebagai satu entiti. Dengan ini perkhidmatan kepakaran perubatan dapat dimantapkan lagi di Hospital Sungai Bakap yang semestinya turut dapat dimanfaatkan oleh penduduk Batu Kawan.

NO. SOALAN: 189

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10681**

**SOALAN:**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kematian dalam tahanan polis, penjara serta kem tahanan imigresen daripada 2008 sehingga kini mengikut pecahan kaum atau warganegara, umur, nama balai polis, nama penjara serta nama pusat tahanan imigresen

25

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasaan yang lain dan sentiasa mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk mengatasi kejadian berkenaan daripada terus berulang pada masa hadapan.**

**Statistik Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2013 sehingga 2017 menunjukkan seramai 1,293 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkaitan menerima rawatan lanjut terutamanya disebabkan oleh masalah penyakit seperti HIV, kanser serta penyakit-penyakit berkaitan jantung, darah, paru-paru, tibi, asma dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut seramai 720 orang adalah berbangsa Melayu, 215 orang berbangsa Cina, 178 orang berbangsa, 23 orang lain-lain bangsa dan 157 orang merupakan warganegara asing.**

**Berasaskan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, kesemua kematian tersebut telah dilaporkan kepada pihak polis, dilaporkan kepada hakim coroner, dilaksanakan coroner visit, dilaksanakan bedah siasat, disiasat termasuk siasatan dalaman oleh Jabatan Penjara dan dimaklumkan kepada ahli keluarga atau kedutaan.**

254

Berdasarkan statistik jumlah kematian dalam tahanan polis yang melibatkan kaum Melayu di seluruh negara bagi tahun 2008 sehingga 2018 adalah sebanyak 53 kes, bagi kaum cina pula sebanyak 28 kes, kaum India sebanyak 34 kes, lain-lain kaum di Malaysia pula sebanyak 3 kes dan sebanyak 22 kes adalah melibatkan warga asing.

Bagi pecahan umur di bawah 18 tahun tiada kes kematian dalam tahanan polis yang direkodkan dari tahun 2008 sehingga tahun 2018. Bagi pecahan umur 18 sehingga 29 tahun pula sebanyak 21 kes telah direkodkan manakala sebanyak 46 kes telah direkodkan bagi tahanan yang berumur 30 sehingga 39 tahun, 72 kes bagi tahanan yang berumur 40 sehingga 60 tahun dan hanya 1 kes yang melibatkan tahanan yang berumur lebih dari 70 tahun.

Mengikut statistik dari tahun 2008 sehingga tahun 2018 Perlis mencatatkan 2 kes kematian, 8 kes dicatatkan di Kedah, 12 kes di Pulau Pinang, 8 kes di Perak, 20 kes di Selangor, 23 kes dicatatkan di Kuala Lumpur, 5 kes di Negeri Sembilan dan 1 kes di Melaka. Manakala di Johor mencatatkan sebanyak 29 kes kematian, 8 kes di Pahang, 2 kes di Terengganu, 12 kes di Kelantan dan 5 kes masing-masing di Sabah dan Sarawak.

23/7  
SOALAN NO. :190

DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA

**PERTANYAAN : PERTANYAAN BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**SOALAN :**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan nama-nama hutan yang telah bertukar status dari hutan simpan kekal kepada ladang hutan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Ladang hutan yang dibangunkan oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah di dalam Zon Ladang Hutan yang telah dipersetujui di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK).

Penubuhan ladang hutan adalah selaras dengan kehendak Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992) dan Dasar Industri Perkayuan Nasional (NATIP) 2009-2020 yang menekankan kepentingan penubuhan ladang hutan untuk menampung bekalan mentah untuk industri pemprosesan berasaskan kayu-kayan serta menggalakkan pelaburan sektor swasta yang aktif dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

Berdasarkan kehendak yang dinyatakan oleh dasar-dasar berkenaan, maka kawasan ladang hutan kekal berstatus Hutan Simpanan Kekal dan dikelaskan di bawah Seksyen 10(1)(a) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) - hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan.

Sebagai tambahan, semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Melaka dan Pulau Pinang direkodkan telah membangunkan ladang hutan seluas 113,112.02 hektar melibatkan pelbagai Hutan Simpanan Kekal sejak tahun 1980'an.

Sekian, terima kasih.